



Aarron Nelson Dengan Sebati Dengan Malaysia

Berpeluang bercuti di tanah tinggi Cameron Highlands baru-baru ini, menemukan saya dengan Pengurus Hotel The Lake House Cameron Highlands. Sambal menikmati hidangan wajib Cameron Highlands, teh dan scones... Jom kita selami rahsia hati Aarron Nelson.

Bagaimana boleh terbahit dalam industri servis dan perhotelan?

"I love to cook". Bila umur saya 12 tahun saya bercita-cita hendak menjadi chef. Pabila saya berusia 17 tahun saya mulai belajar dengan lebih mendalam dalam bidang masakan. Setelah tamat pengajian, bermulalah kisah hidup saya di dapur! Selama 12 tahun saya mengabdikan diri di dapur hotel-hotel di Sydney dan Perth. "Actually I am more to pastry chef". Dari dapur, saya mulai berkecimpung pula dalam bahagian 'Food & Beverage Management'. Saya juga pernah berkhidmat di Maldives sebelum ke Malaysia. Kerjaya saya di Malaysia bermula di Concorde Hotel Kuala Lumpur. Kemudian saya dipindahkan ke Casa Del Rio, Melaka dan kini di The Lake House.

Sudah berapa lama berkhidmat di The Lake House?

Saya di sini hampir lapan bulan. Saya sayangkan tempat ini, ia amat tenang dan mendamaikan. 23 Januari yang lepas genap 10 tahun saya di Malaysia. Negara ini semakin sehati dengan diri saya.

Nama penuh : Aarron James Nelson
 Asal : New Zealand
 Tarikh lahir : 27 Ogos 1976
 Status : Berkahwin (anak seorang)

Destinasi percutian pilihan?

Saya gemakan percutian yang melibatkan air terutamanya pantai. Saya sukakan aktiviti air. Saya banyak habiskan masa bercuti di pantai timur Malaysia. Saya juga amat gemakan makanan Thai. Percutian impian saya adalah berjalan di Eropah, New York dan Hawaii.

Kenapa mesti pilih The Lake House Cameron Highlands?

Kerana ia istimewa dan amat bermakna. Banglo lama ini sesuai untuk mereka yang melarikan diri dari kesibukan kota. Karektor hotel ini juga cukup istimewa. Tidak ada hotel lain seperti hotel ini. Anda terasa seperti bercuti di rumah sendiri.

5 Perkara wajib dilakukakan di Cameron Highlands?

- Lawat BOH Tea Plantation
- Lawat nurseri / ladang strawberi dan kebun bunga
- Cuba makanan tempatan
- Minum teh & makan scones
- Tidur di The Lake House

Anda 10 tahun yang akan datang?

Saya ingin menguruskan sebuah butik hotel!!



Satcara Spa
 The Lake House
 Cameron Highlands

"Mencari lokasi terbaik untuk manjakan diri? Ingin badan dibelai jemari lembut sambil menyedut udara segar tanah tinggi? Jom kunjungi Satcara Spa yang terletak di Cameron Highlands"



Manjakan Diri Di Satcara Spa

Udara sejuk menusuk ke tulang sebaik pintu kereta dibuka. Mata terpukau dengan keindahan banglo lama British ini. Satcara Spa adalah jenama spa terkenal yang bernaung di bawah The Lake House, sebuah butik hotel eksklusif di tanah tinggi Cameron Highlands.

Aroma nyaman bau-bauan mewah mengisi hidung sebaik kaki melangkah ke dalam spa ini. Soyuyuman manis Liyana, terapis comel di sini menyambut penulis sambil menghidangkan secangkir teh untuk menyegarkan badan. Sambal menghirup minuman, pena ligat menulis maklumat diri dan jenis urutan yang dipilih.

Kerana jati diri Melayu, saya memilih untuk mencuba rawatan tradisional Melayu. Rawatan dimulakan dengan rendaman kaki. Uniknyanya rendaman selama sepuluh minit ini menggunakan teh asli Cameron Highlands. Padiuan aroma halus menusuk dengan gerak jemari dan lenggok lengan si pengurut membuatkan penulis terlena seketika. Spa eksklusif ini semestinya tidak mengahampakan anda dengan menu rawatan yang pelbagai dan bermanfaat kepada anda. Antara rawatan yang terdapat di sini seperti Balinese Massage, Foot Reflexology, Facial Massage dan banyak lagi. Apa yang pasti harga pakej rawatan di sini pasti mengesankan anda, harganya amat berbaloi!!